

03/11/1998

## Asean Telecom 98 tumpuan korporat

PAMERAN dan persidangan Asean Telecom 98 yang berlangsung empat hari bermula hari ini dijangka menarik lebih 10,000 pengunjung korporat membabitkan pelbagai sektor.

Dengan menampilkan rangkaian produk baru berteknologi terkini, Asean Telecom 98 dilihat sebagai platform mengetengahkan cabaran masa depan industri telekomunikasi sejagat.

Pameran itu turut merangkumi forum dan ekspe Penyelesaian Pepijat Alaf (Y2K), Kerajaan Elektronik 98, Teknologi Kad Pintar 98 dan Net.Com 98.

Meskipun dalam kelembapan ekonomi serantau, Asean Telecom 98 anjuran AMB Exhibitions Sdn Bhd (AMB Exhibitions) berkemampuan menarik 200 syarikat dari 21 negara dengan 40 peratus daripadanya adalah syarikat tempatan.

Pengerusi Eksekutif AMB Exhibitions, Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee, berkata penyertaan syarikat antarabangsa membuktikan keyakinan mereka terhadap industri telekomunikasi tempatan.

Antara syarikat terbabit ialah Telekom Malaysia Bhd, Siemens, Nokia, IBM, Fujitsu, Per nec, Unisys dan Bosch.

"Dengan menawarkan kawasan 60,000 meter persegi, Asean Telecom 98 juga adalah pameran kedua terbesar di Asia Tenggara yang dijangka diadakan sebagai acara tahunan atau dwitahunan bergantung pada sambutan yang diterima."

"Dengan menggabungkan pelbagai rangkaian dan sistem telekomunikasi, Asean Telecom 98 mampu menjadi pusat sehenti bagi sektor berkenaan dan penyelesaian teknologi maklumat (IT)," katanya pada taklimat media di Seri Kembangan, semalam.

Pameran itu yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut dihadiri Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie.

Selain memaparkan rangkaian produk telekomunikasi terkini, Asean Telecom 98 turut dipenuhi pelbagai acara termasuk forum mengenai penyelesaian Y2K yang dijangka dihadiri 3,000 delegasi.

Menurut Ahmad Mustaffa, Asean Telecom 98 yang disasarkan bagi pelawat korporat bagaimanapun akan membuka peluang kepada orang ramai untuk mengunjungi pameran berkenaan pada hari terakhir, 6 November bermula jam 10.30 pagi hingga 5 petang.

(END)